



**Kategori:** Biokimia B1, B2, B3, B5, L10, L12  
Homeopati B4, B6, L8, L9  
Herbalisme L11, L7

B1	336 biji
B2	120 biji
B3	336 biji
B4	30 biji
B5	84 biji
B6	30 biji
L7	30 ml
L8	30 biji
L9	16 biji
L10	96 biji
L11	220 ml
L12	96 biji

**Tempoh Guna:** Lebih daripada 8 bulan  
**Kesesuaian:** Ibu mengandung dari 3 bulan hingga lepas pantang

## Pengenalan

Bagi wanita, kehamilan atau mengandung adalah suatu pengalaman yang tidak sama dengan pengalaman-pengalaman lain yang pernah dilalui, terutamanya wanita yang mengandung untuk kali pertama. Ada yang tersangat gembira dengan berita kehamilan itu dan ada pula yang menjadi bimbang dan cemas terutamanya bila menjelang waktu-waktu hampir melahirkan anak. Ini berlaku kerana mungkin bakal ibu ini pernah mendengar pelbagai khabar bagaimana susahnya untuk melahirkan anak.

Setelah menyedari masalah yang dihadapi kaum wanita semasa mengandung, Prof. Dr. Azizan bin Hj. Ismail telah mengkaji secara mendalam mengenai kehamilan dari semua aspek dan kemudian berusaha menghasilkan suatu rencana makanan jagaan rawatan ibu dan anak yang dikandung. Dengan adanya rencana makanan ini, maka kaum wanita dapata melalui zaman kehamilan dan dapat melahirkan anak dengan aman tenteram, jauh daripada rasa takut, cemas dan bimbang, terhindar daripada aneka rupa masalah waktu mengandung, semasa bersalin dan selepas bersalin. Dengan itu mengandung dan bersalin akan menjadi suatu pengalaman yang dapat dinikmati. Rencana makanan jagaan dan rawatan kehamilan ini telah banyak berbakti kepada kaum ibu, dan telah mendapat sanjungan di kalangan ibu dan para doktor, bukan hanya dari dalam Malaysia malah juga oleh mereka dari luar negara. Prof. Dr. Azizan menamakan rencana jagaan dan rawatan kehamilan ini sebagai **SALINDAH**.

Antara masalah yang kerap dihadapi oleh kaum ibu semasa mengandung ialah seperti loya, muntah, pening pising, kurang selera makan, ada kecenderungan berdarah dari rahim, keguguran, sakit gigi, lenguh dan bisa tulang, pedih hulu hati, kembung dan memulas dalam perut, sembelit, krem-krem (simpul biawak), aluran dalam vena

lembab, vena varikos, berat badan meningkat, tekanan darah tinggi, bengkak kaki, bersalin tidak cukup bulan, atau lebih tempoh, sakit dicabang peha dan kedudukan anak songsang. Kemudian terdapat pula masalah selepas bersalin, seperti tersangkut uri, tumpah darah, sakit meroyan, rahim gelincir, sembelit, kencing tertahan, kurang susu dan sebagainya. Insya'Allah dengan mengambil **SALINDAH** sebahagian daripada masalah yang dinyatakan itu dapat diatasi ataupun diringankan kesannya.

Bagi mereka yang mengambil rencana **SALINDAH** ini adalah dinasihatkan agar sekali sekala ke pusat pemeriksaan kehamilan untuk memeriksa kandungannya. Oleh kerana ada di antara ibu yang menggunakan **SALINDAH** bersalin tanpa bidan yang menyambut kelahiran bayinya, maka adalah disarankan agar segera mendapatkan bidan ataupun di bawa ke hospital apabila terasa sahaja hendak bersalin walaupun ras sakit tidak bersungguh.

Hasil kajian yang begitu lama, **SALINDAH** mulai diperkenalkan kepada masyarakat sejak tahun 1981. **SALINDAH** merangkumi kedua peringkat dari sebelum bersalin sampai waktu lepas bersalin. **SALINDAH Set Lengkap** mulai dari 3 bulan hamil dan tamat pada habis waktu pantang, iaitu kira-kira 40 hari lepas bersalin. Bagi ibu yang mengambil **SALINDAH Set Lengkap** ini maka ia memperolehi keseluruhan kebaikannya. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa rencana makanan jagaan dan rawatan ibu hamil ini disediakan daripada ubat-ubatan menurut kaedah Homeopati dan Biokimia yang telah memang dimaklumkan tidak boleh mendatangkan sebarang kesan sampingan atau keracunan.

Semasa mengandung ibu-ibu adalah dinasihatkan agar menjaga makan minumannya. Prof. Dr. Azizan yakin bahawa banyak daripada masalah-masalah kesihatan yang dideritai oleh bayi yang baru lahir dan kanak-kanak seperti jantung berlubang, penyakit kuning, cacat anggota tertentu, leukimia, thalassemia dan lain-lain lagi ada kaitannya dengan amalan makan minum ibu sewaktu hamil.

## KHASIAT DAN PANDUAN PENGGUNAAN SALINDAH

### Peringkat Sebelum Bersalin

<u>Item</u>	<u>Khasiat</u>
<b>B1</b> Mulai minggu ke-12 hamil	Memberi zat besi mudah hadam yang diperlukan oleh setiap ibu mengandung. Menghilang atau mengurangkan muntah dan loya serta alahan. Menolong tumbesaran tian. Mencegah demam, batuk, selsema, sejuk-sejuk, sakit kepala, sakit gigi dan lain-lain. Menghilangkan kesan jatuh atau rebah. Melancarkan aliran darah agar mencegah timbul simpul urat di kaki. Menghilangkan letih lesu.
<b>B2</b> Mulai minggu ke-24 hamil	Memberi zat untuk tumbesaran tian, menguatkan tulang dan membina otak tian, disamping menambah darah. Menambah selera makan, menghilangkan sengal tulang dan kebas anggota kaki dan tangan. Mencegah serangan sejuk dan sakit gigi. Mencegah osteoporosis.

**B3**  
Mulai minggu ke-28 hamil  
Memberi zat untuk pembinaan saraf dan otak anak. Menghilangkan masalah takut, cemas dan bimbang. Mencegah simpul biawak atau krem betis. Mendatangkan ketenangan bagi menghadapi had bersalin.

**Catatan:** Ibu yang menggunakan **SALINDAH** dari item B1 (bermula dari 12 minggu hamil) akan memperolehi anak yang sihat, segar, pintar cerdas, keras tulang dan gigi, subur tumbesaran tubuh, dan sukar didatangi penyakit, Insha'Allah.

**B4**  
Mulai 4 minggu sebelum bersalin  
Remedi ini istimewa untuk mengawal alamat sebelum jangkaan alamat palsu, menghilangkan sakit bersalin, sakit urat dan otot, menyediakan saluran peranakan dengan mengendur dan menganjalkan otot-otot pencerut kawasan saluran peranakan. Memudahkan kelahiran bayi. Menghilangkan perasaan takut dan cemas.

**B5**  
Mulai 2 minggu sebelum bersalin  
Remedi ini melanjutkan dan menolong tindakan item B4, mengendur dan menganjalkan otot pencerut saluran peranakan dan memberi daya teranan labour sewaktu bersalin.

**B6**  
Mulai 1 minggu sebelum bersalin atau semasa dalam 'labour pain'  
Remedi ini menguatkan teranan, menolong mengurangkan sakit sewaktu bersalin, mempercepatkan dan mempermudah keluarnya anak, membuka luas saluran peranakan dan mengurangkan sakit lepas bersalin.

**Catatan:** Kalau bayi dalam kandungan songsang, bolehlah minta bidan betulkan. Tapi kalau masih juga berpusing songsang, jangan diganggu lagi, takut nanti tali pusat berpintal pada leher dan anggota bayi. Insha Allah, bila sampai waktu bersalin, bayi akan berpusing betul, kesan daripada remedi item B6.

#### **Peringkat Selepas Bersalin**

**L7**  
Selepas bersalin  
Remedi cecair bagi menyembuhkan luka atau jahitan dengan cepat. Menghilangkan sakit pada luka atau jahitan. Mencegah jangkitan kuman dan pernanahan.

**L8**  
Mulai 5 jam selepas bersalin  
Bila keluar sahaja anak, terus makan remedi ini. Remedi ini membantu menyembuhkan rasa sakit, menghentikan darah, mencegah sakit meroyan, demam dan sakit kepala.

**L9**  
Mulai hari ke 2 selepas bersalin  
Remedi istimewa menghilangkan sengal selepas bersalin dan bisa-bisa, sakit meroyan, menghentikan darah nifas, membetulkan urat-urat darah yang putus, menyusun semula alat peranakan dan menguatkan seluruh anggota itu.

**L10**  
Remedi ini mempercepatkan rahim dan

Mulai hari ke 6 selepas bersalin  
saluran peranakan mengecut semula. Mengangkat rahim kembali ke tempat asal. Mengurangkan simpul urat biru.

**L11**  
Mulai hari ke 7 selepas bersalin  
Remedi tonik ini istimewa bagi memanaskan badan, menambah selera, membaiki penghadaman dan pembuangan najis. Menenangkan tidur. Menghilangkan kebas-kebas. Menyegarkan rahim dan alat peranakan.

**L12**  
Mulai hari ke 21 selepas bersalin hingga lepas pantang.  
Remedi ini menjaga kesihatan Ibu selepas bersalin sentiasa agar sihat; mengembalikan kekuatan, memulihkan alat perkelaminan. Menimbulkan kesegaran.

**Catatan:** **IBU** boleh guna barut dan tungku panas jika mahu. Pantang terus kopi, cili, kari, makanan berempah, paling tidak sehingga 2 minggu selepas bersalin. Ubat lepas bersalin ini dirumus bersama akar kayu dan bahan-bahan herba. Tidak perlu guna ubat-ubatan lain. Jika **ANAK** yang dilahirkan kelihatan kuning (berpenyakit kuning) dapatkan remedi khas untuk itu.

#### **LAIN-LAIN KEGUNAAN CERAIAN SALINDAH**

**B1** Demam, selsema, batuk, terpukul, lebam, bengkak sendi, radang-radang, luka (hancurkan B1 & tabur atas luka) bedarah, pecah penjarum, muntah, sakit kepala, sakit gigi, tambah darah bagi orang pucat.

**B2** Kurang selera, tambah darah, sakit dalam tulang

**B3** Payah tidur, pelupa, malas, takut-takut

**B4** Masalah meroyan lama, sengugut, sakit kepala berdenyut

**B6** Bengkak sendi, sengugut penyakit putih (Lukorea), memulas dalam perut

**L7** Luka, calar, dibuat basuhan dan kompres.

**L8** Sakit kepala, demam garing, bisul, sakit bila menelan, bisul sedang menjadi, sakit mata merah, sakit gigi berdenyut, bengkak-bengkak merah, darah hidung, meracau dan menjerit.

**L9** Lebam terpukul, kesan terkehel, bisul, lemah badan, sakit pinggang, sakit kesan angkat berat, mulut/nafas berbau, letih lesu, tambah tenaga, hidung berdarah, cirit berdarah memulas, suara parau banyak cakap dan mimpi gerun kisah kematian.

**L10** Kuatkan gigi longgar, kuatkan umbi rambut dan kulit pecah.

**L11** Boleh digunakan sebagai tonik biasa untuk seisi keluarga.

**L12** Sebagai tonik khusus untuk wanita dan masalah-masalah pada wanita.